




INTEGRASI DATA: SIRI 1

PEMERKASAAN PENGURUSAN DATA

Pengukuhan Sistem Statistik Negara: Tadbir Urus Data yang Holistik melalui Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN)

Sistem Statistik Negara telah diperkuuhkan dengan penubuhan **Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN)** yang dipersetujui dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 9 September 2020. MSDN merupakan satu badan yang berperanan dalam memberi panduan dan hala tuju bagi memantapkan tadbir urus sistem statistik negara. MSDN juga memainkan peranan penting dalam memperkasa pengintegrasian data pentadbiran secara sistematis dan menyeluruh dengan mengadakan penyelarasan maklumat agensi kerajaan dan swasta, menyalurkan data terkini serta mengharmonikan proses kerja statistik yang menjadi satu elemen teras dalam kerangka kerja sistem statistik negara.

STRUKTUR MAJLIS STATISTIK DAN DATA NEGARA (MSDN)



Mesyuarat Tertinggi MSDN selaku badan penasihat tertinggi, disokong oleh Jawatankuasa Eksekutif (JKE) MSDN. Seterusnya, Majlis Statistik dan Data Negeri/ Wilayah (MSDNgW) dan Majlis Statistik dan Data Daerah (MSDD) ditubuhkan di peringkat Negeri dan Wilayah Persekutuan bagi memperketatkan tadbir urus sistem statistik negara di peringkat terkecil. Secara keseluruhan, empat peringkat MSDN ini saling melengkapi dalam mewujudkan sistem penyampaian perkhidmatan awam yang lebih bersepdua, tangkas, beraskan bukti dan berpaksikan kepentingan rakyat.



Pengukuhan penggunaan data pentadbiran dan usaha untuk merapatkan jurang data melalui Majlis Statistik dan Data Negara (MSDN) melibatkan pendekatan berperingkat yang sistematik dan inklusif, bermula dari peringkat tertinggi negara hingga ke akar umbi melalui aspirasi seperti berikut:

Penggunaan Data Pentadbiran

- i. Menyelaras dasar dan piawaian perkongsian data antara agensi kerajaan.
- ii. Memacu pembangunan sistem bersepadu.
- iii. Mengamalkan prinsip statistik rasmi (FPOS) untuk memastikan data pentadbiran digunakan sebagai sumber statistik rasmi.
- iv. Menyelaras dan mengkoordinasi perkhidmatan statistik di kalangan entiti Sistem Statistik Negara.

Merapatkan Jurang Data

- i. Menentukan keutamaan nasional dalam mengenal pasti jurang data kritikal.
- ii. Menyokong penggunaan data alternatif dan *big data*.
- iii. Mengenal pasti jurang data khusus mengikut sektor.
- iv. Menyelaras dan mengkoordinasi perkhidmatan statistik di kalangan entiti Sistem Statistik Negara.

Majlis Tertinggi MSDN buat julung kalinya telah bermesyuarat pada 27 Januari 2022. Sebanyak dua (2) mesyuarat telah dilaksanakan sejak penubuhan MSDN. Mesyuarat pertama Jawatankuasa Eksekutif MSDN telah diadakan pada 5 September 2022. Sebanyak tiga (3) mesyuarat telah dilaksanakan bagi tempoh 2022 hingga 2025. Jawatankuasa Eksekutif MSDN disokong dengan penubuhan empat (4) Kluster sebagai komponen penggerak aktiviti statistik. Sejak penubuhan, kluster JKE MSDN telah melaksanakan lima belas (15) mesyuarat. Mesyuarat MSDNgW telah dilaksanakan bagi sebelas (11) negeri dan Mesyuarat MSDD telah dilaksanakan bagi tiga puluh dua (32) daerah.

